



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH

## Tajuk: Masyarakat Sejahtera Alam Terpelihara

**Nilai Teras:** Hormat-menghormati

**Masa:** 1 jam

**SK:** 2.1 Zaman Air Batu

**SP:** K2.1.8 Menyatakan kepentingan sikap yang perlu diamalkan dalam menjaga alam sekitar.

### Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menyatakan tiga kepentingan alam sekitar.
2. Menjelaskan tiga peranan masyarakat dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.
3. Menghuraikan kesan pengabaian alam sekitar kepada kesejahteraan masyarakat.

### Aktiviti Literasi Sivik : Set induksi

1. Guru menunjukkan dua keping gambar, iaitu hutan simpan dan hutan yang telah digondol.
2. Guru berosal jawab dengan murid tentang kepentingan hutan.



### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru menyediakan soalan seperti berikut:

"Peranan Masyarakat dalam Memelihara dan Memulihara Alam Sekitar"

3. Murid bergilir-gilir menulis jawapan mereka di atas kertas yang sama.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan membuat perbincangan tentang:
  - Kepentingan alam sekitar
  - Peranan masyarakat
  - Kesan pengabaian alam sekitar
3. Hasil perbincangan akan ditampal di hadapan kelas.
4. Ahli kumpulan lain akan bergerak untuk melihat, menganalisis dan memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan lain.

### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki membuat poster bertemakan Sayangi Alam Sekitar.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)